

14 MAY 1999

Mahkamah-Vincent Tan

ARTIKEL JOMO DALAM AWSJ BERNIAT JAHAT, KATA VINCENT TAN

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Berjaya Berhad Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun mendakwa artikel Prof Jomo Kwame Sundram dalam Asian Wall Street Journal (AWSJ) memfitnah beliau.

Beliau juga mendakwa artikel itu berniat jahat untuk menyerang perwatakan, integriti dan reputasi beliau sebagai seorang ahli perniagaan terkemuka.

Jomo, penyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, dinamakan sebagai defendan pertama dalam saman Tan yang menuntut ganti rugi berjumlah RM250 juta.

Tan turut menamakan Penerbit AWSJ Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc, pengarangnya Reginald Chua, penerbit dan pengarang eksekutif AWSJ Urban C Lehner dan Dow Jones dan Company Inc iaitu penerbit laman web internet sebagai defendan.

Tan berkata, Jomo langsung tidak memberi peluang kepadanya untuk memberi komen atau menjawab tuduhan-tuduhan yang terkandung dalam artikel bertajuk "Malaysia Props Up Crony Capitalists" yang diterbitkan pada muka surat 10 AWSJ bertarikh 21 Disember lepas yang turut disiarkan di laman web mereka.

Beliau berkata Jomo telah memilih untuk menulis dan menerbitkan perkataan-perkataan yang berunsur fitnah terhadapnya tanpa memastikan kebenaran dakwaan-dakwaan itu.

Tan berkata demikian dalam jawapannya kepada pembelaan Jomo yang difailkan melalui peguamnya Tetuan V.K Lingam and Company pada 9 April lepas.

Tan berkata selain menafikan tanggungjawab berhubung fitnah yang terkandung dalam artikel itu, Jomo juga enggan membuat pembedaan atau memohon maaf berhubung perkara itu ketika diminta berbuat demikian oleh peguamnya.

Beliau juga menafikan bahawa artikel yang ditulis oleh Jomo itu mempunyai perlindungan bersyarat dan dilindungi mengikut Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan bersuara.

Katanya Jomo tidak menjalankan sebarang tugas undang-undang, sosial atau moral untuk membuat dan menerbitkan artikel berkenaan.

Dalam saman malunya, Tan mendakwa kandungan artikel itu menfitnahnya apabila ditonjolkan perkataan mengenai cara perniagaan serta tingkah laku beliau.

Tan mendakwa, perkataan itu diterbitkan secara berterusan oleh penerbit laman web AWSJ sehingga maklumat mengenainya boleh diperolehi oleh pengguna internet seluruh dunia.

Beliau mendakwa kandungan artikel itu membawa maksud bahawa beliau diberikan satu kontrak untuk membina monorel oleh kerajaan Malaysia dan projek pembangunan Linear City hanya kerana beliau seorang kroni kerajaan.

Menurutnya artikel itu juga membawa maksud walaupun beliau mengetahui risiko projek monorel itu dan menguntungkan jika berjaya, tetapi jika gagal kerajaan bersedia menanggung kerugian kerana hubungan baik dengannya.

Tan mendakwa berikutan dengan penerbitan artikel berkenaan, beliau mengalami gangguan perasaan, nama baik dan perniagaannya terjejas serta menyebabkan beliau mengalami keaiban, kebencian dan penghinaan dari kaca mata ramai.

Selain ganti rugi, Tan memohon perintah untuk menghalang semua defendan

atau wakil mereka daripada terus menerbitkan perkataan yang sama untuk memfitnahnya.

Dalam pembelaannya Jomo mendakwa artikel yang ditulisnya mendapat perlindungan bersyarat mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Beliau mendakwa artikel itu ditulis berdasarkan maklumat yang diperolehi untuk kepentingan awam dan menjadi tanggungjawabnya serta defendan lain untuk menerbitkannya kerana fakta dalam artikel itu benar.

Jomo juga mendakwa bahawa Tan memperolehi beberapa projek penswastaaan semata-mata kerana hubungan baiknya dengan pemimpin kerajaan seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin dan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

-- BERNAMA
SBB RHM MAI